



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

### **KENDERAAN PERDAGANGAN DIBENAR BEROPERASI SEPANJANG TEMPOH PKPB DI KLANG DAN SABAH**

Kerajaan akan memastikan tiada sekatan aktiviti ekonomi bagi melindungi sumber pendapatan dan pekerjaan rakyat susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Klang, Sandakan, Papar dan Tuaran yang bertujuan mengekang penularan pandemik COVID-19.

Sehubungan itu, Kerajaan memutuskan bahawa semua kenderaan perdagangan atau komersial yang membawa barangan dibenarkan untuk terus bergerak seperti biasa semasa tempoh PKPB di daerah Klang dan daerah-daerah Sabah sebagaimana dinyatakan di atas. Ini termasuk kenderaan yang berkaitan seperti bas pekerja. Sebagaimana pengumuman sebelum ini, PKPB ini akan berkuatkuasa selama 14 hari mulai Jumaat, 9 Oktober 2020.

Ini selaras dengan keputusan Majlis Keselamatan Nasional (MKN) iaitu membenarkan semua sektor ekonomi di daerah Klang untuk terus beroperasi seperti biasa dengan pematuhan ketat kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan dan MKN, demi kepentingan negara untuk pemulihan semula ekonomi yang terjejas teruk.

Di Klang misalnya, merupakan pusat aktiviti perindustrian yang besar dan memiliki pelabuhan kontena terbesar di Malaysia. Pada tahun 2019, nilai aktiviti perdagangan di Pelabuhan Klang (eksport dan import) menyumbang lebih RM400 bilion, iaitu 22% daripada jumlah keseluruhan aktiviti perdagangan di Malaysia.

Keputusan ini turut mengambilkira maklumbalas dan perbincangan antara Kerajaan Negeri Selangor, agensi-agensi yang berkaitan dan MKN menerusi persidangan televideo hari ini yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Walaupun Kerajaan mendukung kemampuan sektor perniagaan dan komersial untuk meneruskan aktiviti perniagaan, Kerajaan dalam masa sama tidak akan bertolak ansur dengan sebarang ketidakpatuhan SOP yang ada untuk memerangi wabak ini. Syarikat-syarikat juga perlu memastikan persekitaran dan para pekerjanya selamat daripada terdedah kepada





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

COVID-19 setiap masa termasuk menyediakan peralatan-peralatan penting seperti pengimbas suhu badan, pembasmi kuman, pakaian pelindung diri (PPE) dan seumpamanya. Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) juga mendesak semua pihak dalam sektor logistik, pembekalan dan syarikat pengangkutan awam untuk mematuhi SOP yang ditetapkan terhadap para pekerja, pelanggan, dan semua pihak berkepentingan yang lain.

Kerajaan akan terus membenarkan aktiviti perniagaan beroperasi secara bertanggungjawab sesuai dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan manakala penguatkuasaan di lapangan akan sentiasa memantau dan melakukan pemeriksaan. Dengan langkah-langkah ini, diharapkan semua rakyat Malaysia dapat kekal selamat dan sihat sementara negara terus menuju pemulihan ekonomi susulan penularan wabak sejak beberapa bulan ini.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## **COMMERCIAL VEHICLES TRANSPORTING GOODS ALLOWED TO OPERATE THROUGHOUT CMCO IN KLANG AND SABAH**

As the Conditional Movement Control Order (CMCO) is implemented in Klang and in the Sandakan, Papar, and Tuaran districts of Sabah to contain outbreaks of COVID-19 cases, the Government will ensure that economic activities are not unduly restricted in order to safeguard livelihoods and employment during these trying times.

Therefore, it has been decided that all commercial vehicles that transport goods will be allowed to operate and travel as normal during the CMCO in Klang and the aforementioned districts in Sabah districts. This includes vehicles related to businesses such as worker buses. As earlier announcement, the CMCO will be in force for 14 days from Friday, 9 October.

This decision is in line with the National Security Council's (MKN) decision to allow all economic activities in Klang to operate as normal provided that the proper standard operating procedures (SOP) established by the Ministry of Health and MKN are strictly adhered to.

It is not in the nation's interest for the economy to be stricken further as we struggle for economic revival. Klang itself has a large industrial base and is home to Malaysia's largest container port. In 2019, Port Klang's total trade activity (both exports and imports) amounted to more than RM400 billion, accounting for 22% of Malaysia's total trade activity.

This decision takes into account feedback in discussions between the Selangor state government, its related agencies and the MKN in an online meeting today chaired by YAB Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin.

While the Government is supportive of the business and commercial sectors' ability to do business, it will not tolerate non-compliance of the existing SOPs to combat the pandemic. Companies also must actively ensure that their environments and employees are safe from exposure to the coronavirus at all times, including investing in various health screening apparatus such as body temperature scanners, sanitisers, PPE attire, among others. The Ministry also urges all logistics, supply chain, and public transport companies to strictly adhere to the prescribed SOPs for their employees, customers, and all other stakeholders.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

The Government will continue to allow businesses to operate responsibly, in line with the established SOPs while enforcement on the ground will monitor and conduct checks and visits.

With these measures, we hope that all Malaysians can remain safe and healthy whilst the nation continues towards economic recovery following the pandemic's effects these past few months.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG**  
**MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**8 OKTOBER 2020**

**-TAMAT-**

---

**Tentang MOT:**

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

**Pertanyaan Media**  
**Kementerian Pengangkutan Malaysia**  
**Unit Komunikasi Korporat**

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)  
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)  
Faks +603 8892 0208  
E-mel [sua@mot.gov.my](mailto:sua@mot.gov.my)  
[unitkomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unitkomunikasikorporat@mot.gov.my)

